

JABATAN KESIHATAN DAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG.

SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT HIBURAN.

1. Had masa operasi pusat hiburan sehingga jam 1.00 pagi sahaja.
2. Pencahayaan di dalam premis hendaklah mempunyai keterangan melebihi 300 lux (sama dengan tahap keterangan normal bagi sebuah pajabat) dan tiada sebarang lampu warna – warni dibenarkan di pasang di premis.
3. Penggunaan bilik – bilik khas atau sekatan adalah tidak dibenarkan. Jika ada keperluan, dinding hendaklah dibuat daripada cermin terang yang mempunyai ketelusan cahaya melebihi 70%. Penggunaan langsir atau cermin gelap adalah dilarang sama sekali.
4. Hendaklah mengambil langkah-langkah praktikal bagi menghapuskan kacauganggu bunyi bising:-
 - a. Premis hendaklah dipasang dinding dan siling kedap bunyi (sound proof)
 - b. Pintu hendaklah sentiasa di tutup semasa perniagaan dijalankan.
 - c. Pintu di laluan utama keluar masuk hendaklah dari jenis “Self-closing door”.
 - d. Bunyi hasil daripada aktiviti hiburan yang disediakan hendaklah tidak melebihi 5 dBA(leq) daripada paras bunyi latar belakang di sekitar premis tersebut di waktu malam.
5. Memastikan sistem pengudaraan teratur dan selamat dan mengemukakan kepada pegawai pelesen:
 - a. Spesifikasikan penyaman udara, kapasiti dan bilangannya.
 - b. Spesifikasikan ruang udara kotor (Exhaust Air Outlet), kapasiti dan bilangannya.
 - c. Spesifikasikan ruang udara bersih (Fresh Air Outlet), kapasiti dan bilangannya.
 - d. Luas dan isi padu premis tersebut.
 - e. Spesifikasikan apa-apa peralatan tambahan untuk pembersihan udara seperti “Ioniser ” dan “Airfilter”
6. Perkhidmatan Pegawai Pehubungan Pelanggan (GRO) dari kalangan wanita-wanita atau pondan adalah dilarang sama sekali.
7. Kanak- kanak dibawah umur 18 tahun dilarang memasuki mana- mana pusat hiburan kecuali disertai oleh ibubapa atau penjaga yang sah.
8. Premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat.
9. Tiada apa-apa unsur seks, lucah dan ganas di premis.
10. Larangan merokok di dalam premis.
11. Larangan menjual dan menyediakan minuman keras di premis melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa.
12. Larangan orang mabuk masuk atau berada di dalam premis.

13. Peti pertolongan cemas yang lengkap hendaklah disediakan
14. Papan tanda larangan merokok dan kanak-kanak bawah umur daripada memasuki premis hendaklah dipamerkan ditempat-tempat yang mudah dilihat.
15. Sentiasa memastikan hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kesesakan lalulintas atau bahaya kepada lalulintas.
16. Pengusaha hendaklah memastikan serta menentukan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara de sepanjang tempat hiburan itu beroperasi.
17. Menyediakan tandas yang sempurna dan mnecukupi serta berasingan antara lelaki dan wanita dan hendaklah bersih sepanjang masa.
18. Tiada apa-apa bentuk perjudian.
19. Larangan mana-mana orang yang berpakaian tidak sopan daripada masuk atau berada di premis.
20. Sebarang tambahan atau pindaan keatas bangunan hendaklah dengan kebenaran pihak Majlis.
21. Premis yang dilesenkan tidak dibenarkan dijadikan tempat penginapan.
22. Menyediakan tong sampah jenis biasa (3 kaki padu) dan tong dinding dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah dikosongkan seberapa kerap yang mungkin.
23. Menyediakan tempat yang selamat dan bersih untuk pekerja.
24. Larangan membina kedai dan warung di dalam pusat hiburan.
25. Bilangan mesin permainan tidak boleh melebihi yang dilesenkan.
26. Bilangan orang yang dibenarkan beraad di dalam premis hendaklah dihadkan / kawal, agar tidak penuh sesak.
27. Larangan manipulasi.
28. Hanya hiburan dan permainan yang diluluskan sahaja dibenarkan beraad di dalam premis.
29. Pengusaha adalah sentiasa tertakluk pada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dari masa kesemasa.
30. Kelulusan diberi dari setahun ke setahun sahaja.
- * **Syarat-syarat tambahan: Surat Pekeliling SUK Bil 1 Tahun 2008**
31. Sistem kamera litar tertutup hendaklah dpasang dipremis Pusat Hiburan dan Tempat Hiburan.

SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN .

1. Aktiviti Pusat Snuker / American Pool

- a. Pengusaha tempat hiburan hendaklah mematuhi syarat-syarat di dalam Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995, Peraturan – peraturan disebutkan sebagai peraturan-peraturan hiburan dan tempat-tempat hiburan (Permainan snooker dan video)(Kawalan dan penyeliaan)(selangor) 1996
- b. Tiada apa-apa jenis perniagaan snooker/American pool dan lain-lain hiburan yang berbentuk perjudian dibenarkan dipremis hiburan tersebut.
- c. Pemohon hendaklah mengadakan pengawal sepenuh masa untuk pengunjung di premis hiburan.
- d. Pusat Permainan Snuker / American Pool perlu bertutup sepenuhnya dan dikehendaki supaya cermin hadapan berkeadaan cerah, telus cahaya dan mudah dilihat dari luar.
- e. Tiada sebarang bilik dibenar dibuat di dalam permis dan pengusaha bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan tersebut.
- f. Cukai hiburan hendaklah dijelsakn terlebih dahulu di Pejabat Timbalan Pemungut cukai Hiburan, Tkt. 10, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebelum tuan menjelaskan bayaran lessen tersebut di atas. Satu salinan resit cukai hiburan tersebut hendaklah dikemukakan semasa membuat pembayaran.
- g. Pengusaha dikehendaki mengemukakan wang cagaran berjumlah RM 10,000.00 kepada Majlis Perbandaran Selayang. Wang cagaran tersebut akan dirampas(forfeited) apabila pengusaha melanggar syarat-syarat atau sekatan lesen itu dari Peruntukan-Peruntukan Enakmen atau mana-mana peraturan yang telah ditetapkan.
- h. Pengusaha dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen hiburan dan tempat hiburan dilampiran 1 mengikut garis panduan yang dikeluarkan melalui surat pekeliling setiausaha kerajaan negeri Selangor (PBT : KL BIL 3/2001)
- i. Pihak Majlis Perbandaran Selayang boleh menarik lesen yang diluluskan sekiranya pihak pengusaha melanggar salah satu syarat yang telah ditetapkan.

2. Fee Lesen tempat Hiburan Permainan Snuker (Mengikut jadual di dalam peraturan- peraturan hiburan dan tempat-tempat hiburan[Selangor]1996)

| | |
|---|---|
| a. Keluasan yang menempatkan tidak melebihi dari 5 meja | - RM 500.00 |
| b. Keluasan yang menempatkan Lebih dari 5 meja tetapi tidak Melebihi 10 meja | - RM 1,000.00 |
| c. Keluasan yang menempatkan Lebih dari 10 meja tetapi tidak Melebihi 20 meja | - RM 1,500.00 |
| d. Keluasan yang menempatkan Lebih dari 20 meja tetapi tidak Melebihi 30 meja | - RM 2,000.00 |
| e. Keluasan yang menempatkan Lebih dari 30 meja tetapi tidak Melebihi 40 meja | - RM 2,500.00 |
| f. Keluasan yang menempatkan Lebih dari 40 meja tetapi tidak Melebihi 50 meja | - RM 3,000.00 |
| Keluasan yang menempatkan Lebih dari 50 meja | -RM3,000.00 dan tambahan RM 50.00 bagi setiap tempat meja tambahan berikutnya |

3. Fee Lesen Hiburan Permainan Snuker.

RM 60.00 sebulan bagi setiap meja

4. Wang Cagaran.

RM 10,000.00

SYARAT-SYARAT UTAMA KELULUSAN/ PERTIMBANGAN LESEN/
PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN AWAM

1. Tidak dibenarkan sama sekali menyediakan perkhidmatan GRO.
2. Sebarang aktiviti bentuk perjudian atau petaruhan dilarang dijalankan dalam premis perniagaan
3. Sebarang aktiviti pelacuran tidak dibenarkan dalam kawasan premis melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa.
4. Tidak dibenarkan meletakkan sebarang mesin, permainan video atau yang serupa dengannya dalam premis perniagaan.
5. Permohonan yang terikat dengan syarat-syarat kelulusan hiburan awam yang dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa.

Sebarang pelanggaran syarat-syarat seperti yang disenaraikan boleh menyebabkan lesen dibatalkan oleh Majlis Perbandaran Selayang dan aktiviti di arah tutup.

SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN.

A. Aktiviti Pusat Karaoke.

1. Tidak dibenarkan menggunakan pegawai perkhidmatan perhubungan pelanggan (GRO) di pusat karaoke tersebut.
2. Semua pusat karaoke hendaklah mempunyai pencahayaan yang terang melebihi 300 lux (iaitu sama dengan tahap terang yang normal bagi sebuah pejabat). Tidak ada sebarang lampu warna yang dibenarkan dipasang di dalam pusat karaoke ini.
3. Pusat karaoke juga tidak dibenarkan mempunyai bilik-bilik khas atau sekatan-sekatan di dalam nya. Jika ada keperluan untuk mengadakan bilik-bilik ini, ia hendaklah menggunakan dinding yang mempunyai tahap ketelusan cahaya lebih 70%. Tidak ada cermin-cermin gelap ataupun langsir dibenarkan dipasang untuk bilik-bilik ini. Tidak dibenarkan sama sekali memasang kunci atau selak pada pintu.
4. Bilik-bilik hendaklah dicerminkan keseluruhan nya.
5. Semua bilik, lobi dan ruang lapang hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi dan terang.
6. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana pusat karaoke tanpa disertai oleh ibubapa atau penjaga yang sah .
7. Pengusaha adalah dilarang sama sekali menjalankan sebarang aktiviti yan berbentuk perjudian, pelacuran atau yang bertentangan dengan undang-undang.
8. Pengusaha adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karaoke dan handaklah berada di premis pada setiap hari operasi.
9. Satu papan tanda larangan kegiatan yang dilarang hendaklah dipasang di dinding hadapan pintu utama karaoke.
10. Tiada sebarang minuman keras dibenar dijual dalam premis melainkan mendapat kebenaran dan kelulusan penjualan minuman keras dari jabatan-jabatan berkaitan.
11. Pengusahah adalah dkehendaki memasang notis meminta pelanggan melaporkan kepada operator pusat hiburan sekiranya terdapat antara pekerja nya yang menjual ectasy ataupun mepalorkansekiranya ternampak pelanggan lain menggunakan ectasy.
 - i. Notis tersbut perlu juga mengingatkan pelanggan bahawa pemilikan 50gm dan lebih ectasy dianggap sebagai mengedar dadah dan akan dihukum mati mandatori jika sabit kesalahan (Akta Dadah Berbahaya (Pindaan 1998))
 - ii.

12. Operator pusat hiburan hendaklah memastikan pekerja-pekerja mereka bebas dari penggunaan ecstasy dan tidak terlibat dengan pengedarannya kepada pelanggan.
13. Cukai hiburan hendaklah dijelsakn terlebih dahulu di Pejabat Timbalan Pemungut cukai Hiburan, Tkt. 10, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebelum tuan menjelaskan bayaran lesen tersebut di atas. Satu salinan resit cukai hiburan tersebut hendaklah dikemukakan semasa membuat pembayaran.
14. Tuan dikehendaki mengemukakan wang jaminan berjumlah RM 50,000.00 kepada Majlis Perbandaran Selayang. Wang Jaminan tersebut merupakan jaminan untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Sekiranya terdapat sebarang mana- mana syarat, wanh jaminan tersebut akan dirampas oleh Majlis Perbandaran Selayang.
15. Pengusaha dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen hiburan dan tempat hiburan dilampiran 1 mengikut garis panduan yang dikeluarkan melalui surat pekeliling setiausaha kerajaan negeri Selangor (PBT : KL BIL 3/2001)
16. Sebarang perlanggaan syarat-syarat seperti yang disenaraikan boleh menyebabkan lesen dibatalkan oleh Majlis Perbandaran Selayang dan aktiviti di arah tutup.

B. Aktiviti Promosi Mesin Hadiah

1. Pengusaha hendaklah menjalankan aktiviti hiburan berbentuk keluarga sahaja.
2. Tiada aktiviti/ permainan berbentuk perjudian dibenarkan dijalankan di dalam premis hiburan.
3. Pengusaha dilarang menempatkan mesin-mesin video di dalam premis perniagaan.
4. Pengusaha bertanggungjawab sepenuhnya dari segi kebersihan kawasan hiburan setiap masa.
5. Papan tanda larangan merokok dan jaga kebersihan hendaklah disediakan di dalam premis perniagaan.
6. Cukai hiburan hendaklah dijelsakn terlebih dahulu di Pejabat Timbalan Pemungut cukai Hiburan, Tkt. 10, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebelum tuan menjelaskan bayaran lessen tersebut di atas. Satu salinan resit cukai hiburan tersebut hendaklah dikemukakan semasa membuat pembayaran.
7. Pengusaha dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen hiburan dan tempat hiburan dilampiran 1 mengikut garis panduan yang dikeluarkan melalui surat pekeliling setiausaha kerajaan negeri Selangor (PBT : KL BIL 3/2001)
8. Tuan dikehendaki mengemukakan wang jaminan berjumlah RM 10,000.00 kepada Majlis Perbandaran Selayang. Wang Jaminan tersebut merupakan jaminan untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Sekiranya terdapat sebarang mana- mana syarat, wanh jaminan tersebut akan dirampas oleh Majlis Perbandaran Selayang.
9. Pihak Majlis Perbandaran Selayang boleh menarik lesen yang diluluskan sekiranya pihak pengusaha melanggar salah satu syarat yang telah ditetapkan.

SYARAT-SYARAT KELULUSAN PUSAT SIBER DAN CAFÉ.

1. PERLESENAN

1.1 pelesenan premis pusat siber dan café siber adalah tertakluk kepada undang-undang kecil pusat siber dan kafe siber atau lain-lain undang-undang kecil yang difikirkan sesuai oleh PBT berkenaan.

1.2 lesen yang dikeluarkan oleh PBT hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat. Lesen akan dibatalkan jika syarat-syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini tidak dipatuhi.

2. PENGURUSAN

2.1 pengurusan pusat siber dan kafe siber hendaklah secara professional oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.

2.2 pekerja rakyat asing adalah tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan kafe siber.

2.3 pengusaha pusat siber dan kafe juga tidak dibenarkan untuk mengambil pekerja dibawah umur lapan belas tahun.

2.4 pengusaha pusat siber dan kafe siber hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusat siber dan kafe siber tersebut.

2.5 pengusaha dilarang mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh PBT.

3. AKTIVITI YANG DIBENARKAN.

3.1 aktiviti utama ataupun core business pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-kegiatan laian adalah **tidak dibenarkan sama sekali** khususnya berbentuk hiburan seperti berikut:

- i. Permainan video;
- ii. Perjudian;
- iii. Mengakses dan muat turun gambar-gambar lucah;
- iv. Muzik (pipe music); dan
- v. Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif.

3.2 Pengurusan pusat siber dan kafe siber juga hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber dan kafe siber. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat tersebut yang melibatkan pelanggan mereka.

4. MASA OPERASI

4.1 masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan daripada pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah malam.

4.2 bagi pengunjung dibawah umur, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

5. HAD UMUR PENGUNJUNG

5.1 pusat siber dan kafe siber hanya dibuka kepada pengunjung berumur 12 tahun keatas. Walaubagaimana pun, mereka yang berumur di bawah 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber dengan ditemani oleh ibubapa ataupun penjaga.

5.2 pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber atau kafe siber.

6. LOKASI

6.1 pusat siber dan kafe siber hanya dibenarkan beroperasi dipusat membeli belah atau ditingkat bawah rumah kedai dan keadi pejabat. Keadaan premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang

6.2 kedudukan computer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan ia hendaklah diletakkan dalam ruang terbuka iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.

6.3 pusat siber dan kafe siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan sensitive seperti masjid, rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh pegawai perlesenan. Jarak minima yang dibenarkan sekurang-kurangnya 500 meter daripada kawasan tersebut.

7. PENJUALAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK.

7.1 Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan kafe siber.

7.2 pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa masuk sebarang minuman keras dan juga rokok dari luar.

8. BUTIRAN PELANGGAN

8.1 pengusaha hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.

9. KEBERSIHAN PREMIS

9.1 pengusaha pusat siber dan kafe siber juga hendaklah mengambil perhatian keatas aspek-aspek kenersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.

9.2 premis hendaklah menepati syarat-syarat oenggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian keatas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada PBT terlebih dahulu.

10. TINDAKAN KE ATAS PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER.

10.1 tindakan menutup premis perniagaan pusat siber dan kafe siber akan dijalankan jika pengusaha pusat siber dan kafe siber didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.